

KOMUNIKASI DALAM PEMAHAMAN KONSEP SENI VISUAL SEMASA PROSES PEMBELAJARAN MURID MASALAH PENDENGARAN

Communication in Understanding Art Concept during Learning Process for Students with Hearing Impairment

Norzuraina Mohd Nor^{1*}

¹Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

zuraina.nor@fskik.upsi.edu.my¹

*Corresponding Author

Received: 01 Disember 2020; Accepted: 11 Februari 2021; Published: 05 Mac 2021

To cite this article (APA): Mohd Nor, N. (2021). Komunikasi dalam pemahaman konsep seni visual semasa proses pembelajaran murid masalah pendengaran. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(1), 66-76. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.1.6.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.1.6.2021>

ABSTRAK

Komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran(PdP) merupakan aspek terpenting dalam menjadikan subjek yang diajar menarik sekaligus murid dapat menghargai kepentingan dan menghayati keindahan subjek itu sendiri. Kajian ini melihat bagaimana komunikasi dalam subjek Pendidikan Seni Visual (PSV) dapat meningkatkan kefahaman murid masalah pendengaran (MMP) terhadap konsep seni. Fokus kajian ini untuk mengenal pasti komunikasi dalam pemahaman konsep seni pada MMP pada akhir PdP. Pensampelan melibatkan enam orang MMP yang berumur antara 11 dan 12 tahun yang menghasilkan tugas mengikut tema yang diberikan, dan empat orang guru yang mengajar PSV. Reka bentuk kajian kes digunakan dengan pendekatan kualitatif berdasarkan kaedah pemerhatian, temu bual dan tugas. Teori Sosio Budaya yang menekankan kepada kerangka *Scaffolding* diaplikasikan dalam PdP MMP. Dapatkan mendapati masalah kefahaman terhadap konsep seni berpunca daripada komunikasi antara murid dengan guru semasa proses pembelajaran berlangsung. Pendekatan kiu visual dan bahan maujud mampu membantu murid membina kefahaman tentang konsep seni seterusnya meningkatkan kemahiran murid menghasilkan tugas. Oleh yang sedemikian, signifikan kajian berupaya memberi kefahaman kepada guru mengenai komunikasi yang berkesan kepada MMP. Penggunaan pendekatan PdP yang sesuai amat penting terhadap MMP bagi meningkatkan pemahaman terhadap konsep seni bagi menghasilkan tugas.

Kata Kunci: komunikasi, konsep seni, murid masalah pendengaran

ABSTRACT

Communication in the process of teaching and learning is the most important aspects in order to make learning fun as well as the students can appreciate the importance and beauty of subject matter. This study aims to explore the impact of communication in Visual Arts Education to promote the understanding of arts concept among the students with hearing impairment. The focus of this study also aims to identify the quality of their artworks at the end of the learning process. The sampling of this study focused on six students with hearing impairment aged between 11 dan 12 years old to produce artworks according to given theme and four teachers that teach PSV. Case study design is used in this study with qualitative approach to provide tools based on observation, interviews and assignment to study complex phenomena within its context. Socio-cultural Theory

that emphasizes the framework of Scaffolding is underpinned in this study. Finding showed the communication between students and teachers has led the problem of poor understanding the concept of arts among the students. Visual cue approach or the existing materials can help students to build an understanding of the concept in arts and in turn to help the others to produce assignments. As a consequence, the significance of this study is able to provide teachers with an understanding of effective communication to students with hearing impairments will lead them to an effective grasping in the concept of arts. The use of appropriate approach is important to students with hearing impairment to enhance their understanding in the concepts of art in order to produce artworks.

Keywords: communication, concept of art, students with hearing impairment

PENGENALAN

Komunikasi dalam pendidikan memainkan satu peranan yang penting dalam menyediakan murid yang kompeten dan berdaya saing dalam persada dunia dan dapat mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 tidak terkecuali untuk murid masalah pendengaran (MMP). Berdasarkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2020) dalam data Pendidikan Khas di Malaysia menunjukkan separa tahun pertama tahun 2020 mendapat terdapat 952 orang MMP di sekolah rendah berbanding 32,635 murid berkeperluan khas dalam pelbagai keistimewaan. Walaupun bilangan itu kecil, namun keperluan mereka terhadap seni tidak boleh dinafikan. Ia bertepatan dengan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat menyebut mengenai hak asasi manusia dan hak kanak-kanak di dunia yang menggariskan dalam perkara 27,

“...Setiap orang berhak secara bebas mengambil bahagian dalam kehidupan kebudayaan masyarakatnya, menikmati kesenian dan berkongsi dalam kemajuan sains dan faedahnya.”

Office of the High Commissioner for Human Rights (OHCHR) (1990)

Merujuk perkara tersebut, semua manusia di dunia diberi peluang untuk terlibat dalam kerja-kerja seni termasuk golongan kurang upaya sama ada dewasa atau kanak-kanak. Ia juga dinyatakan dalam *Sustainable Development Goals (SDGs4)* tentang kesamarataan dalam pendidikan, begitu juga dengan murid masalah pendengaran yang layak mendapat pendidikan berkualiti. Di Malaysia, MMP menggunakan kurikulum pembelajaran yang sama dengan murid normal bagi menghargai kepelbagaiannya yang terdapat pada diri mereka.

Tafsiran dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2007 menyatakan murid berkeperluan khas ertiannya murid-murid yang mempunyai masalah penglihatan atau masalah pendengaran atau mempunyai masalah pembelajaran (KPM, 2020). MMP merujuk kepada murid yang mengalami masalah pendengaran dalam kategori ringan (20dB-40dB) sehingga teruk (90dB-140dB). MMP ini memerlukan komunikasi yang lebih efektif bagi merangsang pembelajaran mereka. Bagi memastikan komunikasi yang dijalankan efektif, guru perlu memahami selok-belok komunikasi dalam pendidikan, strategi komunikasi, dan cabaran-cabaran dalam komunikasi bagi menghasilkan komunikasi yang efektif (Yossita, 2017). Carpenter *et al.* (2020) mendapati MMP merasa terasing kerana mereka tidak dapat berkomunikasi dengan baik maka guru memainkan peranan dalam PdP MMP. Ia disokong oleh Ahmad Taufiq (2020) yang menyatakan guru adalah pihak yang paling bertanggungjawab terhadap berlangsungnya komunikasi yang efektif dalam pembelajaran murid dalam kelas.


Norzuraina (2019) menyatakan bahawa dalam Teori Sosial Budaya Vygotsky menyatakan tentang; (i) prosedur dalam pembelajaran; (ii) bahasa sebagai alat; (iii) pengantara dalam pembelajaran; (iv) interaksi sosial ialah pembelajaran asas dan perkembangan kognitif; dan (v) *Zone of Proximal Development* (ZPD) adalah aktiviti primari dalam pembelajaran. Teori ini menyokong pada faktor-faktor perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Ia juga mengatakan bahawa intelektualiti kanak-kanak, penguasaan bahasa dan perkembangan sosialisasi mereka dipengaruhi oleh interaksi atau alam persekitarannya dan berkembang dalam konteks sosial. Tahap kognitif antara murid normal dengan MMP berbeza kerana masalah pendengaran yang dialaminya, maka pembelajaran murid menjadi lebih sukar berbanding murid normal (Norzuraina, 2015).

MMP mempunyai masalah dalam komunikasi untuk memahami konsep seni visual dalam subjek Pendidikan Seni Visual (PSV). Penyampaian guru dan kefahaman murid tidak selari mengakibatkan kesalahfahaman terhadap konsep seni (Norzuraina, 2015). Ini dibuktikan oleh Andi Husniati *et al.* (2020) dalam kajiannya yang menyatakan terdapat kesukaran bagi MMP membezakan bentuk. Mereka menganggap semua bentuk adalah sama melalui pemerhatian mereka. Tahap kemampuan mereka mengenal pasti bentuk tidak mencapai tingkat penguasaan disebabkan kefahaman terhadap konsep tidak dibentuk. Perkara ini terjadi kerana murid tidak menguasai konsep pembelajaran. Maka, bagaimanakah guru perlu memberi kefahaman dan memberi penerangan konsep tentang unsur seni (unsur warna, garisan, bentuk, rupa, jalinan dan ruang) dalam subjek PSV kepada MMP dalam mengatasi permasalahan ini? Kefahaman terhadap konsep seni adalah sangat penting kepada murid agar mereka dapat menghasilkan tugas seni yang berkualiti di akhir PdP. Kreativiti murid juga akan berkembang selari dengan kefahamanan murid terhadap konsep seni itu.

METODOLOGI

Dapatan data terhadap kajian kes ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan pemerhatian, temu bual dan tugas. Data kualitatif mempunyai kelebihan daripada kaedah kualitatif kerana data dapat diterangkan dan dinilai secara lebih teliti (Ramli & Musa, 2020). Che Aleha (2015) menyatakan penggunaan pendekatan kualitatif dapat membincangkan realiti atau keadaaan sebenar sesuatu situasi, yang mana realiti merupakan sesuatu yang dibina oleh individu yang terlibat dalam penyelidikan. Pendekatan ini digunakan secara deskriptif apabila melibatkan bahasa isyarat, bahasa badan, ekspresi, dan tugas. Hasil antara data akan dibuat triangulasi bagi memastikan kesahannya.

Norzuraina (2019) menyatakan dalam proses menggalakkan kanak-kanak meneroka dan berkomunikasi dengan persekitaran, Vygotsky menyarankan guru menggunakan kerangka *Scaffolding* iaitu satu teknik pemudahcaraan yakni memberi ruang dan membimbing kanak-kanak dalam proses pembelajaran mereka. Vygotsky menggunakan istilah ZPD iaitu zon yang membolehkan kemahiran atau kebolehan dikuasai oleh individu itu sendiri. Manakala, *scaffolding* melibatkan ilmu dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid dengan bantuan guru yang lebih mahir. Melalui penggunaan teori ini, MMP memerlukan bantuan pada peringkat awal dan pergantungan kepada guru semakin berkurangan dan akhirnya boleh melakukan tugasnya sendiri.



Rajah 1. Aplikasi *scaffolding* semasa proses PdP MMP dalam subjek Pendidikan Seni Visual.

Proses kajian bermula dengan langkah-langkah dalam PdP PSV yang menerapkan empat langkah utama iaitu persepsi, aplikasi, ekspresi seni dan juga apresiasi terhadap hasil karya. Sampel kajian dijalankan terhadap enam orang MMP yang berumur antara 11 dan 12 tahun serta empat orang guru yang mengajar PSV. Proses pemerhatian bermula pada sesi induksi bagi merangsang minat murid. Seterusnya, persepsi apabila guru mula menyampaikan penerangan berkaitan konsep seni visual iaitu unsur seni reka. Seterusnya sesi aplikasi apabila murid mula diperkenalkan kepada bahan dan teknik yang berkaitan dengan tajuk pembelajaran. Guru mendemonstrasikan tugasan bagi mengukuhkan kefahaman murid terhadap tema, media, teknik, dan proses yang terdapat dalam topik pembelajaran pada hari tersebut. Sesi ekspresi seni memberi ruang kepada murid untuk menjana kreativiti melalui tugasan yang dihasilkan. Apabila selesai menghasilkan tugasan, murid didedahkan dengan sesi apresiasi, iaitu sesi kritikan dan penghargaan terhadap tugasan yang dihasilkan oleh murid. Tugasan yang diberikan ialah dalam bidang menggambar yang terdapat dalam kurikulum PSV. Bidang ini mempunyai teknik dan tema yang telah ditetapkan untuk pembelajaran MMP. Tema atau tajuk tugasan bergantung kepada jadual yang terdapat dalam takwim persekolahan.

Temu bual dibuat terhadap empat orang guru seni yang mengajar di sekolah tersebut. Instrumen temu bual dibina merujuk kepada beberapa bahagian antaranya latar belakang guru dan kepakaran, MMP, komunikasi dalam pendidikan MMP, keberhasilan dalam penghasilan tugasan dan juga proses PdP. Data dianalisis melalui proses catatan dan akan dijalankan triangulasi menggunakan *Nvivo*.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Komunikasi dan Murid Masalah Pendengaran

Komunikasi dalam bidang pendidikan amat penting bagi memastikan maklumat yang disampaikan kepada murid dapat diterima dengan tepat. Ahmad Taufiq (2020) menyatakan pembelajaran adalah satu proses komunikasi apabila wujudnya interaksi dalam aktiviti PdP. Menurut Muhammad Aidil (2018), terdapat beberapa unsur komunikasi dalam pendidikan iaitu; (i) Manusia: guru sebagai penyampai maklumat kepada murid; dan (ii) bahan pengajaran seperti subjek Pendidikan Seni Visual, alat bantu mengajar dan pendekatan, teknik dan situasi pembelajaran. Kesemua elemen ini amat berkait dalam komunikasi bagi memastikan kelancaran dalam PdP. Namun, medium komunikasi yang digunakan oleh MMP berbeza dengan murid normal. MMP menggunakan bahasa isyarat sebagai medium berkomunikasi utama sepanjang PdP di sekolah mahupun dalam kehidupan sehari-hari.

Rentetan daripada itu, KPM telah menggunakan pendekatan komunikasi seluruh dalam pendidikan MMP dengan mengeluarkan pekeliling penggunaan Bahasa Melayu Kod Tangan (BMKT) di sekolah. Penggunaan BMKT di Malaysia bertujuan mengatasi masalah komunikasi antara MMP dengan dunia luar (Norzuraina, 2015). Menurut KPM (2017), bahasa isyarat merupakan bahasa visual yang menggunakan bentuk tangan, ekspresi wajah, pergerakan, dan bahasa tubuh sebagai medium komunikasi. KPM telah menerbitkan buku panduan komunikasi seluruh BMKT bagi memastikan guru dan murid menggunakan jenis kod tangan yang standard bagi tujuan penyelarasan untuk kegunaan satu negara. Penggunaan kod tangan BMKT diperkenalkan bagi memudahkan urusan komunikasi antara murid dengan persekitaran kehidupannya. Menurut KPM (2018), semasa PdP dijalankan, guru seharusnya menggunakan pendekatan komunikasi seluruh yang merangkumi komponen; bahasa lisan, mimik muka, gerak badan, isyarat tangan, gerak bibir, dan kiu visual (gambar / lukisan). Kesemua komponen ini perlu digunakan secara serentak semasa berkomunikasi bagi memaksimumkan potensi kefahaman murid. Ia juga disokong oleh KPM (2017), dalam kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) menyatakan komunikasi MMP ialah penggabung jalin antara kemahiran bahasa secara lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi. Penggunaan kod tangan ini menjadi penyelesaian kepada komunikasi seterusnya menjadi penghubung antara MMP dengan dunia luar bagi menjalani kehidupan.

Dapatan pemerhatian dan temu bual mendapati responden menggunakan BMKT semasa PdP dijalankan. Kelihatan responden sudah fasih menggunakan kod tangan yang ditetapkan. Murid dapat berkomunikasi dengan baik menggunakan isyarat tangan, ejaan jari, dan mimik muka dengan baik. Kadangkala mereka melukis sesuatu di atas kertas untuk memberi kefahaman kepada guru atau kawan-kawan yang lain jika terdapat silang makna dalam penggunaan bahasa isyarat. Melalui pemerhatian juga didapati, murid banyak menggunakan bahasa slanga atau bahasa pasar yang kadangkala tidak difahami oleh guru. Menurut guru yang mengajar, murid mencipta bahasa slanga sendiri bagi memudahkan mereka berkomunikasi dengan cepat dan selesa. Bahasa slanga lebih mudah diikuti dan difahami oleh mereka berbanding BMKT kerana mereka lebih kerap menggunakan semasa bergaul di sesama mereka di luar waktu persekolahan seperti di asrama. Faktor pergaulan yang rapat dan mesra di kawasan asrama memainkan peranan kepada berkembangnya penggunaan bahasa slanga antara MMP. Norzuraina (2015) menyatakan MMP sinonim dengan masalah-masalah komunikasi, sosial serta akademik. Kefahaman terhadap PdP tidak dapat dicapai apabila sistem komunikasi terjejas disebabkan kod tangan dan komunikasi terhad, kod tangan berbeza, kod tangan yang tidak lengkap dan terhad (Nik

Hassan *et al.*, 2016). Komunikasi yang tidak lancar akan mengganggu tumpuan guru dan murid, sekaligus sesi PdP akan terhenti atau tergendala. Ia akan merencatkan penyampaian kandungan pembelajaran kepada murid seterusnya mengganggu proses kefahaman murid.

Terdapat jurang kefahaman semasa berkomunikasi antara guru dan murid disebabkan masalah ketidak selarian kefahaman, kurang pengetahuan berkaitan BMKT, bahasa isyarat slanga, dan juga penggunaan kod isyarat yang dual makna. BMKT merupakan bahasa standard yang ditetapkan KPM namun, kadangkala terdapat kod-kod yang jarang digunakan oleh murid dan guru maka kadangkala mengakibatkan kecelaruan dalam penyampaian dan kefahaman dalam komunikasi antara murid dan guru. Kadangkala satu simbol atau kod isyarat tangan mewakili beberapa makna apabila tak digayakan dengan tepat. Penggunaan kod isyarat juga bergantung kepada gerakan yang tepat, sesuai dengan keadaan dan faktor lain. Akibatnya, murid sukar memahami sesuatu yang kompleks dan abstrak. Namun, jika divisualisasikan oleh guru menggunakan bahan maujud atau lukisan, murid lebih mudah faham berkaitan konsep pembelajaran. Ia juga disokong oleh Nik Hassan *et al.* (2016), selain kesukaran guru untuk menerangkan atau menyampaikan sesuatu konsep kepada MMP, guru juga turut mengalami kesukaran untuk memahami sesuatu yang disampaikan oleh murid. Kekeliruan ini sebahagiannya adalah berpunca daripada tindakan murid menggunakan bahasa isyarat ciptaan sendiri (slanga) yang menyebabkan guru sukar untuk memahami maksud sebenar yang cuba di sampaikan oleh murid berkenaan.

MMP menghadapi masalah dalam pembelajaran kerana kaedah dan gaya pembelajaran tidak menepati keperluan mereka (Zainuddin, 2018). Apakah gaya pembelajaran yang sesuai untuk MMP? Menyedari perkara tersebut, guru sentiasa mengambil pendekatan yang terbaik bagi memberi kefahaman kepada murid. Semasa proses PdP, dilihat guru menggunakan kaedah komunikasi seluruh untuk memberi kefahaman terhadap konsep seni kepada murid. Apabila terdapat persoalan yang melibatkan kefahaman, murid berusaha menggunakan pelbagai cara untuk bertanyakan soalan. Guru memberi penerangan dengan menggunakan pelbagai pendekatan termasuk bercakap dan mimik muka kerana murid turut berupaya membaca gerakan bibir. Komunikasi seluruh ini memudahkan murid menguasai konsep pembelajaran yang ingin disampaikan oleh guru.

Murid Masalah Pendengaran dan Konsep Seni dalam Subjek Pendidikan Seni Visual

PSV ialah subjek atau mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah yang pelaksanaannya mendedahkan murid-murid kepada kegiatan seni yang berkaitan dengan kehidupan murid sehari-hari. PSV bermatlamat untuk melahirkan insan kreatif, kritis, harmonis dan inovatif menerusi pemupukan bahasa seni visual (KPM, 2017). Bahasa seni visual adalah asas seni reka yang terdiri daripada enam elemen iaitu garisan, warna, rupa, bentuk, ruang dan jalinan. Ia merupakan laras bahasa untuk memahamkan murid tentang konsep seni iaitu perkara wajib yang perlu diketahui oleh murid dalam subjek PSV. Konsep seni diajar di dalam kelas agar MMP dapat membina kefahaman untuk menghasilkan tugas seni yang kreatif dan kritis. Konsep seni merupakan sesuatu yang abstrak dan sukar dijelaskan jika hanya menggunakan perkataan (Norzuraina, 2015), Maka sukar untuk menjelaskan konsep-konsep yang abstrak kepada MMP. Masalah ini turut disokong oleh Nik Hassan *et al.* (2016) yang menyatakan sukar menerangkan konsep yang melibatkan sesuatu yang abstrak, dan Zariul Antosa *et al.* (2015) menyatakan konsep seni yang dikemukakan terlalu teoritis. Konsep seni yang bersifat abstrak dan sukar diperjelaskan adalah seperti warna, ruang, jalinan, dan rupa. Ia lebih mudah diterangkan menggunakan bahan maujud. Menurut Andi Husniati *et al.* (2020), kefahaman

pada konseptual amat diperlukan kerana ia bukan berkaitan tentang ingatan pada konsep tapi kefahaman. Semakin abstrak konsep tersebut, semakin tinggi potensi konsep bergabung dan berhubung dengan pelbagai pengalaman.

Andi Husniati *et al.* (2020) menyatakan murid khas memerlukan rawatan khas terutamanya dalam pembelajaran kerana kurangnya sempadan dalam komunikasi dan pengetahuan berkaitan konsep ilmu. Apakah yang dimaksudkan dengan rawatan khas untuk MMP? Adakah rawatan khas merujuk kepada pendekatan atau penyelesaian masalah berkaitan komunikasi antara murid dan guru di dalam kelas? Melalui pemerhatian semasa PdP berlangsung didapati, guru menggunakan strategi pengajaran menggunakan kiu visual bagi memberi kefahaman konsep seni kepada MMP. Penggunaan bahan maujud yang berupa gambar, carta dan slaid *powerpoint* mendominasi PdP. Guru juga menggunakan kaedah *chalk and talk* untuk membina kefahaman murid. Jika terdapat permasalahan, guru akan menerangkan berkali-kali sehingga murid dapat menguasai namun memakan masa yang agak lama semasa PdP berlangsung.

Konsep Seni Visual ialah sesuatu yang komplek dan perlukan divisualisasikan untuk membina kefahaman. Ia disokong oleh Zainuddin (2018) yang menyatakan pendekatan visual diperlukan untuk pembelajaran MMP bagi membina kefahaman. Maka, guru menggunakan kaedah demonstrasi untuk tunjuk cara bagi memberi kefahaman kepada MMP untuk menghasilkan tugas menggunakan teknik dan bahan yang betul. Selain itu, guru cuba membina kefahaman dan memberi idea kepada MMP dalam menghasilkan tugas seni melalui sesi demonstrasi yang telah ditunjukkan. MMP dapat mengaplikasikan teknik yang diajar guru setelah demonstrasi dilakukan. Tanpa bantuan demonstrasi, MMP kurang memahami konsep seni, cara aplikasi media, teknik dan proses menghasilkan tugas. MMP boleh menghasilkan tugas namun, memerlukan pemantauan agar MMP berkeyakinan untuk mengaplikasikan unsur seni dalam tugas.

Hubungan Komunikasi dalam Penghasilan Karya Murid Masalah Pendengaran

Bagi menyahut kepada kesetaraan pendidikan untuk semua, KPM telah menggariskan agar MMP menggunakan kurikulum sama yang digunakan oleh murid normal di aliran perdana. Namun, terdapat subjek tambahan iaitu Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK) agar MMP dapat menguasai BMKT bagi melancarkan proses PdP. KSSR (2017), BIK dibina bertujuan mendedahkan seberapa banyak kod isyarat perkataan yang perlu dikuasai oleh MMP dengan harapan mereka dapat menguasai sebanyak mungkin perbendaharaan kata dan kosa kata. Kelancaran dalam komunikasi memainkan peranan yang sangat penting kepada hasil pembelajaran murid. Namun menurut Nik Hassan *et al.* (2016), silibus yang diguna pakai oleh MMP adalah tidak sesuai. Hal ini adalah selari dengan pendapat Hamdi dalam Norzuraina (2015). Disebabkan itu, guru disarankan untuk memodifikasi kurikulum tersebut mengikut keupayaan MMP bagi memudahkan kefahaman dalam PdP. KSSR (2017) menyatakan Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, 8.(1)(c) yang menyatakan bahawa seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran, masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti, susunan aktiviti dan bahan bantu mengajar. Pengubahsuaian yang dibuat hendaklah mengikut Kurikulum Pendidikan Khas.


Nik Hassan *et al.* (2016) menyatakan sebelum MMP mempelajari sesuatu perkara, biasanya MMP perlu menguasai beberapa kemahiran. Kemahiran yang sangat membantu MMP dalam PdP ialah kemahiran berkomunikasi kerana ini ialah kemahiran asas atau penghubung antara MMP ke dunia lain. Maka, guru menggunakan kaedah kiu visual dan kaedah demonstrasi untuk memberi kefahaman kepada MMP berkaitan konsep seni dan aktiviti yang dijalankan. Guru mendemonstrasikan menggunakan teknik dan media yang dipilih. MMP mempelajari dan membina kefahaman tentang pemilihan media dan teknik dan proses aplikasi yang tepat bagi menghasilkan tugas. Tugas dihasilkan oleh murid di akhir PdP dan guru membuat penilaian bagi mengenal pasti aras kefahaman dan kreativiti murid melalui tugas yang dihasilkan .

Hasil Tugasan Murid Masalah Pendengaran

Tajuk: Pemandangan Petang

Umur: 11 dan 12 tahun

Media: Krayon dan warna air



Ilustrasi 1: Pemandangan Petang (1)



Ilustrasi 3: Pemandangan Petang (3)



Ilustrasi 2: Pemandangan Petang (2)



Ilustrasi 4: Pemandangan Petang (4)



Ilustrasi 5: Pemandangan Petang (5)



Ilustrasi 6: Pemandangan Petang (6)

Dapatkan daripada tugas bertajuk ‘Pemandangan Petang’ mendapati semua MMP tidak dapat menyiapkan tugas mengikut masa yang ditetapkan. Murid diberikan masa tambahan bagi menyiapkan tugas. Perkara ini disebabkan MMP kurang berkeyakinan menghasilkan tugas tanpa bantuan guru. Penerangan dan demonstrasi diberikan berkali-kali bagi menambahkan keyakinan murid menghasilkan tugas yang diberikan.

Daripada aspek unsur seni mendapati MMP mempunyai pengetahuan tentang garisan dan warna namun kurang pengetahuan untuk mengaplikasikan ke dalam tugas. Murid tahu apa yang dimaksudkan dengan garisan seperti garisan tebal, garisan nipis ataupun bergerigi namun murid tidak tahu mengaplikasikan garisan yang dipelajarinya ke dalam bentuk tugas. MMP memerlukan bantuan guru untuk memberi penerangan. Guru mengulangi demonstrasi sehingga MMP faham dan berkeyakinan untuk mengaplikasikan konsep seni dalam tugas. Nor Ashikin (2012) menyatakan bahawa kaedah penyampaian menggunakan visual adalah penting bagi meningkatkan motivasi dan memudahkan pembelajaran murid di dalam kelas. Kefahaman terhadap konsep dan keyakinan serta motivasi perlu untuk murid menghasilkan tugas.

Kreativiti MMP juga banyak didorong oleh guru. Guru banyak memberikan olahan idea pada MMP. MMP meniru contoh yang diberikan oleh guru di carta dan gambar yang ditampal di papan hitam semasa proses penghasilan tugas. Hasilnya, semua hasil tugas seni adalah sama dari sudut konsep lakaran, penggunaan warna, dan beberapa unsur yang lain. Perbezaan antara tugas MMP dilihat pada olahan bentuk yang terdapat dalam tugas. MMP juga tidak dapat mengaplikasikan warna dengan kemas ke atas lukisan yang dilukis kerana kurangnya kemahiran. Semua murid menggunakan warna panas yang terdiri daripada warna merah dan jingga untuk menggambarkan tentang hari senja kerana guru menyatakan bahawa matahari senja berwarna jingga. Garisan yang yang diaplikasikan juga tidak pelbagai menunjukkan murid tidak dapat menguasai kemahiran aplikasi unsur garisan pada tugas. Namun, secara keseluruhan murid berjaya menghasilkan tugas yang ditetapkan dengan mengaplikasikan unsur seni yang tepat. Namun, olahan terhadap penggunaan unsur seni ditahap minimal. Proses peniruan juga berlaku melalui apa yang mereka lihat menggunakan kiu visual dan apa yang mereka lihat pada penerangan guru lalu diaplikasikan pada tugas.

Pendekatan kiu visual yang memaparkan bahasa seni visual iaitu konsep seni yang berkesan memberi kefahaman kepada MMP. Norzuraina (2015) menyatakan bahawa penggunaan bahasa dalam komunikasi membantu kanak-kanak membentuk idea, alat kepada perkembangan kendiri dan sosial murid, membentuk hubungan sosial murid dan penggunaan

bahasa amat dekat dengan pemikiran. Kebolehan menguasai bahasa dapat mengekspresikan fikiran dengan mengkomunikasikan pemikiran bagi membina kreativiti semasa menghasilkan tugas .

Mohd Hanafi *et al.* (2015), menyatakan MMP mengalami permasalahan akademik kerana kemahiran intelektual mereka berkembang lebih lambat. Dapatkan data menunjukkan bahawa MMP perlukan pengulangan dalam pembelajaran untuk membina kefahaman. Kefahaman yang dibina akan memudahkan MMP mengaplikasikan konsep seni dalam tugas yang diberikan. Dapatkan ini disokong oleh Nik Hassan *et al.* (2016) yang menyatakan MMP menghadapi masalah dari segi mengingati sesuatu yang dipelajari. Ingatan MMP kepada isi kandungan mata pelajaran atau apa yang disampaikan tidak akan bertahan lama dan mudah lupa. Maka guru mengulang dan mengulang pembelajaran serta demonstrasi. Semakin banyak komunikasi antara guru dan murid, mendapati kefahaman murid terhadap konsep seni dalam pembelajaran semakin kukuh sekaligus membina keyakinan diri murid menghasilkan tugas. Abd Mutalib dan Kanreng (2017) menyatakan kelemahan menghasilkan tugas pembelajaran adalah berpunca daripada kurangnya latihan yang bersesuaian dan dapat membantu perkembangan keupayaan berfikir. Kelemahan dalam keupayaan berfikir aras tinggi menyebabkan murid kurang mampu berfikir dari aspek kognitif dan meta kognitif secara berkesan. Maka, bagi MMP perlu membuat sesuatu tugas berkali-kali bagi membina kefahaman yang lebih kukuh.

Dapatkan juga mendapati pendekatan komunikasi menggunakan kiu visual membuatkan MMP lebih mudah membina kefahaman terhadap konsep seni. Murid dapat mengembangkan idea dan mengaplikasikan konsep seni dalam tugas untuk meningkatkan kreativiti seterusnya kualiti tugas tersebut. Di sini dilihat peranan guru memainkan potensi yang besar dalam komunikasi semasa PdP bagi memastikan peningkatan kreativiti dan penghasilan tugas MMP dalam subjek ini. Melalui komunikasi menyeluruh yang diamalkan dalam PdP dapat memahami konsep seni seterusnya membina motivasi dan keyakinan kepada MMP untuk menghasilkan tugas.

KESIMPULAN

Kualiti pembelajaran MMP dipengaruhi oleh komunikasi yang terjadi semasa proses PdP berlangsung. MMP kurang yakin dengan diri sendiri, rendah diri, kurang bermotivasi, lemah dalam kognitif, dan sukar memberi perhatian di dalam bilik darjah. Pendekatan yang sesuai adalah perlu bagi memastikan MMP dapat menguasai konsep pembelajaran. Pemahaman terhadap konsep pembelajaran (konsep seni visual) terjadi melalui pembelajaran yang berfokus hasil gabungan komunikasi seluruh menggunakan pelbagai kaedah iaitu BMKT, gerak badan, lisan, ejaan jari, bacaan gerak bibir, dan kiu visual. Pemahaman terhadap konsep lebih mudah diterima oleh murid dengan menggunakan kiu visual seperti bahan maujud atau carta berbanding menggunakan kaedah lain seperti penggunaan BMKT. Ini kerana sukar untuk memberi kefahaman berkaitan konsep yang abstrak menggunakan perkataan dan BMKT terhadap murid. Maka, komunikasi dalam kelas merupakan aspek pemangkin MMP menguasai pembelajaran dan seterusnya mengasah kemahiran murid menghasilkan tugas. Komunikasi yang berkesan diperlukan oleh guru dengan menggunakan pendekatan yang sesuai untuk merangsang pembelajaran MMP sekaligus memberi kefahaman tentang konsep seni kepada MMP.

RUJUKAN

- Abd Mutalib, S., & Kanreng, M. Z. (2017). Pelaksanaan KBAT dalam pentaksiran formatif bagi slot Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia: Kajian kes. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 6(1), 18 - 33. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol6.1.2.2017>
- Ahmad Taufik. (2020). Interaksi komunikasi dalam pendidikan. *Edification Journal: Pendidikan Agama Islam*.
- Andi Husniati, I., Ketut, B., Dwi Juniati, & Carol, L. L. (2020). Analysis of deaf students understanding math concepts in the topic of geometry (rectangle shape): A case study. *Journal for the Education of Gifted Young Scientists*.
- Carpenter, E. A. C., Meltzer, A., & Marquart, M. (2020), Best practices for inclusivity of deaf/deaf/hard of hearing students in the synchronous online classroom. *World Journal of Education*.
- Che Aleha, L. (2015). *Pentaksiran berdasarkan sekolah pendidikan seni visual sekolah menengah*. Thesis yang belum diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *KSSR Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) Pendidikan Seni Visual Tahun 5*. Penulis
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Data pendidikan khas*. Penulis.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2018). *Modul Latihan Pembangunan Profesional Guru (Pendidikan Inklusif)*. Penulis.
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Isyarat Komunikasi*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Hanafi, M. Y., Safani, B., & Rabaishahazirun. (2015). Kemahiran sosial dan akademik murid-murid pendidikan khas bermasalah pendengaran. *Proceeding: 7th International Seminar On Regional Education*.
- Muhammad Aidil, A.(2018) Komunikasi dalam pendidikan. *Al-Hadi*.
[Jurnal.Pancabudi.Ac.Id/Index.Php/Alhadi/Article/View/356>](https://jurnal.pancabudi.ac.id/index.php/Alhadi/article/view/356)
- Nik Hassan, S. Mustafa, C. O., Abdullah, Y., & Mohd Yusof, A.(2016). Analisis permasalahan pelajar cacat pendengaran dalam pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam Ddi Malaysia. *Jurnal ILMI*.
<http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JILMI/article/view/4>.
- Nor Ashikin Alias. (2012). *Pembangunan laman web sains prasekolah berdasarkan pendekatan visual dinamik*. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Norzuraina Mohd Nor. (2019). *Penilaian KIPP dalam pembelajaran dan pemudahcara murid ketidakupayaan penglihatan menggunakan Buku Teks Braille Pendidikan Kesenian*. Thesis yang belum diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norzuraina, M, N.(2015). *Pendekatan visual untuk meningkatkan kreativiti murid cacat pendengaran dalam mata pelajaran pendidikan seni visual*. Tesis yang belum diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Office of the High Commissioner for Human Rights . (1990). <https://www.ohchr.org/EN/pages/home.aspx>
- Ramli, M. F., & Musa, R. (2020). Ekplorasi seni visual melalui aktiviti lakaran asas terhadap kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(1), 35-47.
<https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.1.4.2020>
- Siti Muhibah, N., & Zetty Nurzulian, R.(2018). Peranan dan cabaran guru-guru pendidikan khas membentuk kemenjadian murid-murid masalah pendengaran dalam abad ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 1(1). <http://ddms.usim.edu.my/xmlui/handle/123456789/16255>.
- Yossita, Y. (2017). Komunikasi efektif dalam dunia pendidikan. *Jurnal Nomosleca*.
- Zainuddin, I. (2018). *Pembangunan modul pembelajaran seni reka grafik berdasarkan teknologi dan gaya pembelajaran pelajar bermasalah pendengaran*. Tesis yang belum diterbitkan, Universiti Malaya.
- Zariul Antosa, Lazim, N., & Indra Gunawan. (2015). *Peningkatan hasil belajar mata kuliah konsep seni mahasiswa Pgsd-Fkip Universitas Riau (Ur) melalui penerapan pendekatan pembelajaran multikultural*.
<http://ejournal.uika-bogor.ac.id/index.php/at-tadib/article/view/153>